

**Perwakilan Cari Jawapan Pendekatan Gerakan  
Bernama  
12 Oktober , 2011  
Oleh Alan Ting**

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Menjelang persidangan perwakilan kebangsaan parti Gerakan Ahad ini, ramai anggota perwakilan dan pemerhati politik mengharapkan jawapan jelas diperoleh berhubung lima persoalan tentang masa depan parti itu.

Tentu sekali yang paling utama adalah sama ada Presiden yang baharu sepenggal dipilih, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, mahu terus memegang jawatan itu bagi penggal kedua menerusi pemilihan parti yang akan diadakan tahun depan.

Koh telah menyatakan niatnya menerajui parti untuk sekurang-kurangnya dua penggal tetapi sehingga kini, selepas beliau dikecam kerana tidak tegas mempertahankan dirinya dan Gerakan, anggota parti mendakwa mereka tidak pasti kerana belum ada petunjuk ke arah itu.

Perkara kedua, ramai yang tertanya-tanya sekiranya Koh bertanding dalam pilihan raya umum ke-13 akan datang atau memilih memimpin dan mengukuhkan partinya dalam Barisan Nasional tanpa sebarang jawatan, ini boleh menjejaskan tumpuan beliau terhadap parti.

"Ia bergantung sama ada beliau mahu terus memimpin parti bagi penggal kedua. Jika mahu kenalah dia bertanding," kata penganalisis politik Datuk Cheah See Kian dalam satu pertemuan dengan Bernama.

Katanya sekiranya Koh mengambil keputusan mengetuai parti untuk penggal kedua kemungkinan besar beliau akan menjadi calon bagi kerusi Parlimen -- sama ada di Batu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau di Batu Kawan, Pulau Pinang.

"Saya tidak fikir beliau mahu bertanding di Tanjong (Pulau Pinang). Ia bergantung sangat sama ada beliau mahu berada di Kuala Lumpur atau Pulau Pinang. Sekali pun beliau memutuskan memimpin Pulau Pinang, saya masih percaya Batu Kawan akan menjadi pertaruhan lebih baik untuk beliau," kata Cheah.

Koh bertanding di Batu Kawan dalam pilihan raya umum 2008 tetapi tewas kepada Prof P Ramasamy daripada DAP, yang kini menyandang jawatan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang.

Daripada segi dalaman parti pula, ramai anggota dan pemimpin berasa resah dengan sikap Koh yang setakat ini menyimpan jawapan walaupun pendiriannya sebelum ini adalah untuk mengetuai parti dalam pilihan raya akan datang.

Beliau mungkin sudah ada jawapan kepada persoalan tersebut dan sebagai seorang pemimpin yang berhati-hati beliau masih mahu merahsiakannya.

Sudah ada perbualan mengatakan beliau malah mungkin mengambil keputusan bertanding di Simpang Renggam di Johor, satu kerusi yang dianggap selamat untuk beliau.

"Bagaimanapun, ramai pemimpin dan anggota parti termasuk dari Johor pula tidak setuju beliau bertanding di Simpang Renggam. Mereka merasakan tidak wajar beliau berbuat demikian," kata satu sumber parti.

Ramai yang sukakan Koh sebagai Presiden parti yang bertanding di satu kerusi yang sukar, dan kemenangan demikian secara automatik menjadikan beliau lebih dihormati.

Ketua Pemuda Gerakan Lim Si Pin mengumumkan dua bulan lepas bahawa beliau tidak akan mempertahankan jawatan dan tidak mahu menjadi calon dalam pilihan raya umum akan datang.

Dalam pilihan raya umum 2008, Lim, satu-satunya anak lelaki bekas Presiden Gerakan Tun Dr Lim Keng Yaik, bertanding di Batu tetapi kalah kepada Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat, Tian Chua.

Selain itu, peluang Gerakan mempertahankan dua kerusi Parlimen -- Simpang Renggam dan Gerik (Perak), -- nampaknya semakin sukar kerana Gerik dipinjamkan untuk dikembalikan semula kepada Umno dengan mendapat balik pula kerusi Taiping daripada Parti Progresif Penduduk (PPP).

Ini menyebabkan satu lagi persoalan timbul yang boleh menggugat kedudukan Ketua Wanita Gerakan Datuk Tan Lian Hoe, yang kini anggota Parlimen Gerik.

Setiausaha Agung Gerakan, Teng Chang Yeow tidak menolak kemungkinan persoalan-persoalan mengenai hala tuju parti dibangkitkan oleh perwakilan dan meminta Koh membuat penjelasan dalam persidangan nanti.

"Kita tidak boleh menyekat perwakilan daripada bertanya perkara ini. Itu adalah hak perwakilan dan mereka boleh membangkitkan sebarang isu," katanya.

Namun Naib Presiden parti Datuk Mah Siew Keong yakin Koh akan melakukan apa yang beliau fikir terbaik untuk parti kerana keadaan sekarang boleh berubah.

"Untuk tidak menyatakannya lebih awal, Koh telah bertindak dengan betul. Kenapa perlu memberitahu segalanya sebelum sampai masanya. Saya pasti beliau mementingkan parti dan akan membuat keputusan yang terbaik," katanya.

Selain itu, soalan juga timbul sama ada Gerakan akan mengambil pendirian sama seperti MCA iaitu untuk tidak menerima sebarang jawatan kabinet sekiranya parti gagal menunjukkan prestasi baik dalam pilihan raya umum nanti.

Koh berkata sebelum ini bahawa Gerakan belum memutuskan sama ada menerima atau sebaliknya sebarang jawatan kabinet sekiranya ia gagal menyerlah dalam pilihan raya akan datang.

Bagaimanapun ramai pemerhati politik ingin juga mendengar pendapat anggota-anggota veteran yang kini menjadi ahli Majlis Keanggotaan Seumur Hidup (LMC) parti itu mengenai kedudukan masa kini parti apabila mereka bermesyuarat Sabtu ini. LMC kini diterajui oleh Tun Dr Lim.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=619407>